

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, March 15, 2017 3:41 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Persidangan TEDxUUM Platform Perkongsian Idea Menerusi Ucapan Ringkas, Berkesan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



15 MAC 2017 / 16 JAMADILAKHIR 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

PERSIDANGAN TEDxUUM PLATFORM PERKONGSIAN IDEA MENERUSI UCAPAN RINGKAS, BERKESAN



UUM ONLINE: Seramai 100 mahasiswa telah menyertai persidangan TEDxUUM yang julung kali dianjurkan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UUM di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen, semalam.

Persidangan sehari yang bertemakan "Castle In The Air" menjadi platform para penceramah berhimpun dan berkongsi idea mereka menerusi ucapan ringkas dan berkesan (tempoh maksimum 18 minit diberikan kepada penceramah untuk menyampaikan idea dengan cara yang paling inovatif) meliputi pelbagai topik meliputi pendidikan, keusahawanan, pembangunan diri dan komunikasi.

Seramai 10 penceramah telah berkongsi pengalaman mereka pada persidangan TEDxUUM, antaranya Vivek Sasheendran, usahawan dan Pengasas 9 Startups; Azzrul Khan Hasrullah @ Adam, orang kelainan upaya yang mencipta sejarah menjadi OKU Malaysia pertama mendaki Gunung Kinabalu dan Menara Kuala Lumpur; Teh Kee Sin, bekas Presiden Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia serta mahasiswa UUM.

TED merupakan singkatan kepada Technology (Teknologi), Entertainment (Hiburan) dan Design (Reka bentuk) iaitu program yang tidak berasaskan keuntungan bertujuan untuk menyebarkan idea dalam bentuk ucapan pendek dan berkesan.

Persidangan itu mula diadakan pada tahun 1984 di Monterey, California, Amerika Syarikat sebagai platform yang membincangkan tentang teknologi, hiburan dan reka bentuk.

Ia mula dianjurkan secara tahunan sejak 1990 dan kini persidangan itu merangkumi semua topik termasuk sains, perniagaan dan isu-isu global di dalam lebih 110 bahasa.

Selain itu, Persidangan TEDx tersebut direka khas untuk membantu masyarakat, organisasi dan individu tempatan untuk mencetuskan perbincangan dan jalinan perhubungan menerusi pengalaman yang serupa dengan persidangan TED.

Ia dianjurkan secara bebas oleh komuniti antarabangsa seluruh dunia mengikut format dan peraturan persidangan TED, kemudian sesi ceramah dan video yang dirakam semasa persidangan TED di seluruh dunia akan dikongsi dengan komuniti dalam persidangan TEDx.

TEDxUUM telah dirasmikan oleh Timbalan Dekan PPA COB, Prof Madya Dr Siti Zubaidah Othman dan turut hadir pegawai-pegawai kanan UUM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood

as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.